

**PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL,
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA,
WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.
TELEFON: 04-9171212 / 04-9171216 TELEFAX: 04-9176473**

**NOTIS TENDER:
BEKALAN**

TENDER NO. MADA(T)/BME/P/2/2024

1. Tender daripada petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah:


- i. **070303** (Pertanian, Perhutanan dan Ternakan/ Ubat, Makanan Ternakan/Tumbuhan, Peralatan dan Aksesori/Peralatan dan Kelengkapan Pertanian/Ternakan/Akuatik) atau;
- ii. **130102** (Peralatan Kejuruteraan dan Mesin Pengeluaran/ Mesin, Kelengkapan Bengkel dan Mesin Pengeluaran/ Mesin dan Kelengkapan Khusus).

akan diterima di **PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA, WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** hingga tutup tawaran jam **12.00 tengah hari** pada **15 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)** untuk:-

No Kontrak	Tajuk	Lawatan Tapak	Kod Bidang
MADA(T)/BME/ P/2/2024	Membekal, Menghantar, Menguji Dan Menjayajalankan Pelbagai Jenis jentera <i>Baler Machine</i> Untuk Projek Guna Semula Jerami Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).	Tiada Lawatan Tapak	Seperti tertera di atas

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran Tender boleh dibeli dengan harga **RM 50.00 setiap naskah** di pejabat seperti alamat di atas, mulai **22 JANUARI 2024 (ISNIN)** sehingga **14 FEBRUARI 2024 (RABU)** pada waktu dan hari bekerja. Setiap bayaran hendaklah dibuat secara **Kiriman Wang / Wang Pos / Deraf Bank / Pembayaran Secara Atas Talian** atas nama **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA**. Bayaran secara **Wang Tunai** atau dengan **Cek TIDAK AKAN DITERIMA**.

3. Petender yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki membawa bersama **SURAT PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan **SURAT AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERTARAF BUMIPUTERA** (jika berkaitan) yang asal untuk pemeriksaan dan sertakan sesalinan fotostat surat dan akuan pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan dokumen tender. Bagi mana-mana petender yang namanya tiada di dalam surat-surat pendaftaran diatas, perlulah mengemukakan **Surat Lantikan Wakil Syarikat** yang sah sebagai bukti untuk mengambil bahagian di dalam tawaran ini.
4. Petender mestilah mengemukakan **TAWARAN HARGA** dan **TAWARAN TEKNIKAL** di dalam **DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN YANG BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **SATU (1) SAMPUL SURAT UTAMA BERLAKRI** dengan menulis nombor tender tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di pejabat seperti alamat di atas, sebelum daripada waktu tutup penerimaan tender ini.
5. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran. Pihak MADA juga tidak terikat untuk menerima hanya **SATU (1)** tawaran petender bagi kesemua item, tawaran boleh diterima dari petender yang berlainan mengikut item yang berlainan di dalam tawaran tender.



(/s/ **EDDI ZAIMEE BIN ROMLI**)

Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).